

# Seminar Pengantarabangsaan dan Pemasaran KPT

*Transformasi budaya kecemerlangan pendidikan sumbang kejayaan sektor pengajian tinggi*

Oleh Khairina Yasin  
kayrina@bharian.com.my



“

*Kualiti pendidikan perlu ditambah baik secara berterusan seiring dengan keperluan global bagi memastikan keupayaan universiti di negara ini diiktiraf di peringkat antarabangsa”*

**Mohamed Khaled Nordin**  
Menteri Pengajian Tinggi

kemasukan lebih ramai pelajar asing.

Sebaliknya, beliau berkata, transformasi budaya sebenar kecemerlangan pendidikan tinggi, selain peluasan skop dan aktiviti program pengantarabangsaan ditutut bagi menyumbang kepada kecemerlangan sektor pengajian tinggi secara menyeluruh.

“Kita menetapkan sasaran mencapai bilangan 200,000 pelajar antarabangsa di negara ini menjelang 2020. Bagi mencapai sasaran itu, semua institusi pengajian tinggi perlu memupuk aspek ‘Pengantarabangsaan,

Interbudaya dan Dimensi Global di kalangan pelajar masing-masing.

“Kualiti pendidikan perlu ditambah baik secara berterusan seiring dengan keperluan global bagi memastikan keupayaan universiti di negara ini diiktiraf di peringkat antarabangsa,” katanya pada majlis perasmian Seminar Pengantarabangsaan dan Pemasaran Kementerian Pengajian Tinggi di Putrajaya, baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Tan Sri Dr Zulkifli A Hassan dan Naib Canselor, Universiti Putra

Malaysia, Prof Tan Sri Dr Nik Mustapha R Abdullah.



**MOHAMED KHALED** (kanan) berbincang sesuatu bersama Zulkifli (kiri) sambil diperhatikan Nik Mustapha di Putrajaya, baru-baru ini.

Seminar bertemakan *Bringing The World to Malaysia and Malaysia to The World* itu julung kali diadakan bagi mengenal pasti permasalahan berkaitan dan meningkatkan kualiti pemasaran dalam mempromosikan sektor pengajian tinggi di luar negara.

Disertai kira-kira 250 peserta di kalangan ahli akademik, agensi kerajaan dan institusi pengajian tinggi, seminar itu turut mengenal pasti strategi dan pendekatan pemasaran terbaik, efektif dan inovatif dalam mempromosikan pengajian tinggi negara.

Mohamed Khaled berkata, keupayaan menarik pelajar antarabangsa ke Malaysia menjadi bukti pengajian tinggi negara berkualiti dan mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Katanya, program penga-

jian yang ditawarkan universiti perlu berupaya membangunkan insan secara holistik dan memenuhi keperluan guna tenaga manusia mengikut pasaran semasa.

“Kita memerlukan modal insan kreatif, produktif, berinovasi dan berkemahiran tinggi bagi meningkatkan kualiti serta daya saing negara di peringkat global.

“Namun, sistem pengajian terbaik bukan saja penentu kejayaan itu, sebaliknya keupayaan bakat dan kepakaran pasukan pengurusan pemasaran serta pengantarabangsaan dituntut bagi mengekal dan meningkatkan standard sedia ada,” katanya.

Katanya, pendekatan Kementerian Pengajian Tinggi amat jelas dengan memastikan kerjasama lebih baik dijalin pelbagai agensi khususnya mereka yang terbabit dalam pemasaran, promosi, hubungan pelajar dan kakitangan serta perniagaan bagi menggariskan strategi pemasaran antarabangsa pengajian tinggi yang lebih berfokus, terancang dan berkesan.

Beliau berkata, institusi pengajian tinggi tidak lagi wajar melihat pencapaian agenda pengantarabangsaan mengikut perspektif institusi semata-mata, sebaliknya perlu lebih meluas dan merangkumi sektor pengajian tinggi secara keseluruhan.

HIGHER Education MALAYSIA



# INTERNATIONALISATION OF HIGHER EDUCATION SEMINAR 2010

GOING THE WORLD ALA  
MALAYSIA WORLD

MOHAMED KHALED merasmikan Seminar Pengantarabangsaan dan Pemasaran Kementerian Pengajian Tinggi di Putrajaya, baru-baru ini.